

**TEKS UCAPAN ALUAN
DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM HAJI AHMAD,
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS PERASMIAN ARENA USAHAWAN BERSEMPENA
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
DAN PROGRAM JUALAN MALAYSIA
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2020**

**TARIKH: 26 SEPTEMBER 2020 (SABTU),
MASA: 11.00 PAGI
CONCOURSE MYDIN SEREMBAN 2**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

SHOLAWAT IBRAHIMIYAH

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Assalamualaikum wbt, salam sejahtera,

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Dr Mohamad Rafie Bin Ab Malek
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan,
Pendidikan Dan Modal Insan;

Yang Berusaha Tuan Muhamad Nahar Bin Haji Mohd Sidek
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan;

Yang Berusaha Puan Rusmimah Mat Derus
Timbalan Ketua Eksekutif II
Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan;

Yang Berusaha Dr Alauddin Bin Sidal
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna (KPDNHEP);

Pengarah-pengarah KPDNHEP negeri;

Pengarah-Pengarah Bahagian;

Rakan- Rakan Media;

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan, Puan-puan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat berkumpul bagi program ARENA Usahawan bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) peringkat Negeri Sembilan tahun 2020 hari ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Sembilan

atas kesudian berkolaborasi dalam menjayakan kempen melalui suatu program yang dinamakan “ARENA Usahawan bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM)” ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak agensi-agensi dan rakan-rakan strategik Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia, pengurusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, serta para pegawai Pejabat KPDNHEP Negeri Sembilan atas kejayaan penganjuran kempen yang gilang gemilang ini.

3. Tidak lupa juga, Puan Ain Arjuna Aziz Zaman, Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna Negeri Sembilan, serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan ARENA Usahawan bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian;

4. Kempen Beli Barangan Malaysia adalah merupakan satu inisiatif kerajaan yang berskala besar, menghimpunkan pelbagai jenis jenama perniagaan yang terdiri daripada pelbagai kluster perkhidmatan serta menawarkan pelbagai produk pilihan kepada para pengguna pada harga yang berpatutan.

Sesungguhnya usaha KPDNHEP dalam menganjurkan Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia secara bersepadu ini sewajarnya dicontohi oleh semua pihak dalam memberikan lebih banyak pilihan kepada masyarakat ketika berbelanja.

5. Kempen ini bertujuan untuk mempromosikan produk-produk tempatan dan merancakkan ekonomi domestik, tidak terhad hanya di pasaraya-pasaraya sahaja. Ianya merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan tempatan dalam memasarkan produk-produk mereka kepada orang ramai. Penganjuran program ini merupakan satu pendekatan yang terbaik

dan berkesan bagi mewujudkan lebih banyak permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan keluaran tempatan. Ini dapat juga menggalakkan para pengguna di negara ini untuk mengutamakan pembelian barangan Malaysia, sekaligus meningkatkan kesedaran serta semangat patriotisme dalam kalangan rakyat dan membantu pengusaha tempatan untuk mempromosikan pelbagai bentuk barangan, produk dan perkhidmatan buatan tempatan bagi merencanakan kembali sektor peruncitan dan mengembalikan permintaan pasaran dalam negara khususnya selepas pasca pandemik Covid-19 yang melanda negara baru-baru ini.

Bagi memastikan kempen dilaksanakan secara ekstensif, KPDNHEP telah membuat kerjasama erat bersama dengan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan lain-lain. Selain itu, kerjasama strategik bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad, LAZADA dan SHOPEE turut dibuat bagi memastikan program ini meluas seluruh Malaysia.

Kerajaan juga memanfaatkan kelebihan ekosistem ekonomi digital dan infrastruktur e-dagang di Negara ini melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif kempen, promosi seperti Media Buy dan Upin Ipin bagi

menerapkan lagi semangat mengutamakan pembelian barangan tempatan, dan diskaun jualan secara berterusan melalui portal online marketplace utama di Malaysia seperti Lazada, Shopee, Prestomall, dan *marketplace* lain yang mempunyai capaian trafik atas talian sehingga mencecah 27 juta pengguna sebulan di negara ini. Peningkatan jualan Barang Buatan Malaysia di platform Shopee telah melonjak sebanyak RM12 juta menurut data Julai – Ogos 2020.

Untuk makluman hadirin sekalian, Program Jualan Malaysia yang dilaksanakan sepanjang Julai sehingga Disember 2020 merupakan suatu langkah proaktif yang melengkapi KBBM bagi memastikan sektor peruncitan kembali berdaya saing dan mampu

mengekalkan sumbangan besar kepada ekonomi negara. Oleh yang demikian, saya menyeru para peruncit mahupun usahawan untuk sama-sama mengambil peluang keemasan untuk turut serta dalam program ini. Tuan-tuan dan puan-puan boleh membuat permohonan Notis Jualan Murah di laman web <https://njm.kpdnhep.gov.my/home>. Permohonan ini merupakan suatu proses yang mudah dan kelulusan boleh diperolehi dalam hari yang sama.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Perkembangan sektor perdagangan dalam negeri khususnya dalam bidang peruncitan berikutan

permintaan domestik yang tinggi akan turut memberikan kesan limpahan ekonomi di mana ia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Secara umumnya, kedudukan ekonomi Malaysia dan tahap sosio-ekonomi rakyat adalah baik dan ini dapat dibuktikan melalui kehidupan seharian pada masa ini di mana kita dapat lihat ramai rakyat kita kini, semakin baik kualiti kehidupan mereka.

7. Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia adalah sejajar dengan hasrat kerajaan dalam usaha menangani kos sara hidup

rakyat yang juga menjadi antara fokus utama inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Dalam menjayakan usaha ini, semua pihak perlu berganding bahu untuk menjayakan kempen yang berorientasikan kepenggunaan seperti ini terutamanya dalam usaha untuk meningkatkan pembelian barangan Malaysia bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi industri tempatan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

Oleh itu, bagi membantu para usahawan bagi mengembangkan perniagaan, KPDNHEP menawarkan pelbagai program seperti:-

- i. IKS/PKS untuk menembusi pasaraya-pasaraya besar/asing melalui kerjasama bersama 10 kompleks beli belah termasuk pasaraya premium seperti Suria KLCC, Pavillion dan lain-lain. Sehingga kini, terdapat lebih 31000 SKU & 1800 PKS/IKS telah yang telah berjaya;
- ii. penyertaan dalam industri francais dan jualan langsung;
- iii. *Franchise bay* yang mempromosikan jenama francais tempatan; dan
- iv. francais mikro dan francais mampu milik.

Kos/pakej permulaan perniagaan francais yang ditawarkan bermula serendah RM100 ribu. Sehingga

kini terdapat 11 jenama francais tempatan yang telah melaksanakan pakej mikro seperti Ani sup utara dan Kopiesatu (segmen Food & Beverages), Global Art (segment pendidikan) dan lain-lain.

Hadirin sekalian,

8. Untuk makluman semua, pada tahun 2019 yang lepas, jumlah jualan keseluruhan yang dicatatkan bagi Kempen Beli Barangan Malaysia adalah berjumlah RM513 juta iaitu peningkatan sebanyak 23.3 peratus daripada tahun 2018.

9. Ingin ditekankan di sini bahawa pembangunan negara bukan hanya merupakan tanggungjawab kerajaan, malah setiap rakyat mempunyai peranan dalam menyokong usaha memajukan negara. Pembangunan pesat yang dicapai hari ini telah memberi banyak faedah kepada semua pihak. Namun, kita hanya akan berjaya dalam persekitaran yang mencabar sekiranya rakyat bersedia membuat perubahan gaya hidup, berjimat cermat serta berusaha dengan tekun demi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing, serta meningkatkan kemampuan inovasi dan daya kreatif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Pada tahun ini, sama seperti tahun-tahun sebelumnya, kerajaan telah memberikan mandat kepada KPDNHEP untuk melaksanakan secara agresif sebuah kempen khusus untuk memupuk kesedaran rakyat Malaysia bagi mempertingkatkan pembelian dan penggunaan barangan tempatan. Oleh yang demikian, tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk menyemai semangat patriotisme dan rasa bangga rakyat Malaysia terhadap barangan keluaran tempatan, yang saya rasakan sekarang ini sudah boleh berdiri sama tinggi dengan produk-produk luar negara. Justeru, sekiranya semua rakyat Malaysia menyokong inisiatif

ini dengan mempertingkatkan pembelian barangan tempatan, sudah tentunya ia akan merancakkan ekonomi domestik di negara ini, mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) dan sekaligus mengelakkan pengaliran wang keluar dari negara ini.

11. Oleh itu, marilah kita sebagai rakyat Malaysia mempertingkatkan semangat patriotisme terhadap negara kita, dan membantu membangunkan ekonomi negara dengan menunjukkan sokongan dalam mengutamakan barangan Malaysia dan memperbanyakkan berbelanja barangan tempatan agar ekonomi kekal berlegar di dalam negara tanpa

banyak pengaliran wang keluar. Juga sudah tentunya sebagai seorang pengguna di negara ini, kita pastikan setiap perbelanjaan juga adalah lebih nilai untuk wang (*value for money*), berpatutan dan berkualiti.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ARENA Usahawan bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2020 ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan dagang dan syarikat-syarikat yang sudi

bekerjasama dengan kerajaan bagi merealisasikan usaha dan inisiatif kerajaan untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Tidak dilupakan juga rakan-rakan media yang turut sama mempromosikan pelaksanaan kempen ini.

Izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

***Tinggi nilainya emas suasa,
Cantik hiasnya tidak terperi,
Marilah beli barangan Malaysia,
Memulih ekonomi, setiap negeri.***

Sekian, salam hormat.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ
وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-